

UMS dan UMK meterai perjanjian perkongsian harta intelek

UB 09.03.2024 P.03

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memeterai satu perjanjian perkongsian harta intelek bagi inovasi Alat Pengereng Solar Bersepadu atau INSOLER, satu inovasi alat pengeringan hasil pertanian dan perikanan yang telah memanfaatkan penduduk di Sabah dan Kelantan.

Perjanjian dimeterai dalam satu acara menandatangani dokumen perjanjian yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor dan Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak di Galeri Majlis, UMS.

Kasim ketika berucap memaklumkan, inovasi INSOLER telah dibangunkan bersama oleh penyelidik dan pencipta dari UMS iaitu Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP) UMS, Prof. Madya Dr. Jidon Janaun dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK, Prof. Ts. Dr. Arham



METERAI: Kasim dan Razli merakamkan gambar bersama pegawai-pegawai utama dan kanan dari UMS dan UMK.

Abdullah.

"Inovasi kolaboratif ini tercetus kerana UMS dan UMK mempunyai hasrat dan aspirasi sama untuk membantu masyarakat khususnya dalam kalangan petani dan nelayan di luar bandar untuk

meningkatkan sosioekonomi mereka.

"INSOLER merupakan idea inovasi yang menggabungkan pemanasan udara aktif dan pasif bagi mengatasi kelemahan pengeringan pengering solar secara kon-

vensional.

"Inovasi ini telah digunakan oleh komuniti di Tumpat, Kelantan dan juga di Kota Belud Sabah, selain prototaip INSOLER di Fakulti Kejuruteraan UMS turut digunakan oleh beberapa

komuniti untuk pengeringan hasil-hasil pertanian seperti kulit jagung dan sisa kopi," katanya.

Beliau menambah, inovasi INSOLER telah merangkul pelbagai anugerah inovasi di peringkat kebangsaan, malah

dinobatkan sebagai pemenang Pingat Emas dan Anugerah Khas, The Star of New York (Green Technology) di Pertandingan berprestij iENA Germany 2023.

Dalam pada itu, Razli ketika menyampaikan ucapan balas berkata, inovasi INSOLER direka bentuk untuk menggalakkan pertanian lestari dengan meningkatkan pengeringan hasil pertanian dan mengurangkan pembaziran makanan.

"Dua unit INSOLER telah dihasilkan dengan satu unit di UMS berkapasiti 200 kilogram manakala satu unit lagi dibina di UMK berkapasiti 2,000 kilogram yang mana digunakan untuk projek komuniti untuk pengeringan ikan bekok di Tumpat, Kelantan.

"Inovasi ini telah membantu pengusaha ikan bekok untuk terus beroperasi khususnya pada musim tengkujuh kerana INSOLER mempunyai proses yang lebih sistematik dan berkualiti seperti kawalan suhu, kelembapan

dan masa menggunakan sistem elektronik.

"Ini sekali gus memberi manfaat kepada peningkatan kapasiti penghasilan ikan bekok sebanyak 300 peratus kerana masa pemrosesan menggunakan INSOLER hanya memerlukan satu jam penghasilan berbanding kaedah konvensional adalah selama tiga jam," ujar beliau.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMK, Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UMK, Prof. Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty Mohamed; Pengarah PPIP UMS, Prof. Madya Dr. Jidon Janaun; Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, UMS, Prof. Dr. Jumat Sulaiman dan Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), UMK, Dr. Mardawani Mohamad.